



مایا... مالیا
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

EDARAN PERCUMA
Bil 12 • Edisi Ketiga 2013
www.maiamp.gov.my



Majlis Penyerahan Kunci Rumah Baitul Asnaf



Agihan Bantuan
Modal Tahun 2013
RM1.25 Juta



177 Penerima Menerima
Bantuan Bina Rumah
berjumlah **RM5.29 Juta**

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Syukurilah nikmat kehidupan dan keamanan yang masih diperolehi untuk menjadi manusia yang bertaqwa di sisi Allah SWT.

Seorang sahabat Nabi Muhammad SAW yang bernama Abu Talhah merupakan seorang sahabat daripada kumpulan Ansar yang paling banyak hartanya di Madinah. Antara harta-hartanya, yang paling disayanginya ialah kebun kurma Bayruha' yang terletak di hadapan sebuah masjid. Rasulullah SAW sering memasuki kebun tersebut dan meminum air yang segar di dalamnya. Maka ketika turun ayat 92, Surah Ali Imran, Abu Talhah telah menjadikan kebun Bayruha'nya sebagai waqaf antara lain bagi kaum kerabat dan anak-anak saudaranya.

Antara hikmah dan kelebihan berwakaf merupakan suatu pengabdian manusia kepada Allah SWT. Amalan berwakaf mendekatkan diri manusia kepada Allah SWT. Ia juga merupakan wasilah pewakaf mendapatkan kebaikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas meninggal dunia. Manfaat yang diterima daripada harta-harta yang diwakafkan dapat berkongsi di kalangan masyarakat Islam untuk tujuan pembangunan sosioekonomi seperti pembinaan masjid dan sekolah. Amalan berwakaf boleh memastikan pengekalan dan perkongsian aset oleh umat Islam.

Semoga hikmah dan kelebihan amalan berwakaf ini mengundang keinginan dan azam umat Islam khususnya di Negeri Perak untuk berlumba-lumba melaksanakan amalan berwakaf. Ganjaran dan kebaikan hasil daripada amalan berwakaf dapat dijadikan teman ketika berada dalam alam kubur.

Salam Hormat.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

Isi Kandungan

- 3 PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-184 -KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA
- 3 PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-185 -SIKAP BERJIMAT CERMAT AMALAN MULIA
- 4 MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN TANAMAN 2013
- 5 KOPERASI-KOPERASI MENUNAIKAN ZAKAT PERNIAGAAN
- 5 MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KONVOI KEMBARA ZAKAT KEBANGSAAN KALI KE 2 (ZON UTARA) DAN PENYERAHAN BANTUAN RUMAH BERKELOMPOK (BAITUL ASNAF)
- 6 PENYERAHAN BIASWA PELAJARAN MAIPk 2013 SERTA PELANCARAN LAMAN FACEBOOK SAHABAT ASNAF MAIPk
- 6 PROGRAM KENALI EMAS & HARTA KITA
- 7 PROGRAM MOTIVASI KECEMERLANGAN DAN QIAMULLAIL
- 8-9 BERITA SANA SINI
- 10 SKIM BANTUAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
- 11 BANTUAN PERSEKOLAHAN
- 12 BANTUAN PERUBATAN
- 13 BANTUAN BINA RUMAH
- 14 BANTUAN MODAL
- 15 JUMLAH PERMOHONAN BANTUAN MAIPk TAHUN 2013

Sidang Redaksi

Penasihat	: En. Mohd Haidi b. Sulaiman
Ketua Editor	: En. Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin
Editor	: En. Meor Muhammad Zulfadli b. Saad
Kumpulan Penulis	: Muhamad Nizamuddin b. Muhamad Sabri Bahagian Zakat Bahagian Hartanah dan Pelaburan Pejabat-pejabat MAIPk Daerah
Jurufoto	: En. Mohd Shukran b. Sharpuddin En. Mohd Sharizal b. Mat Sah
Edaran	: Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh:
Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

Laman web: www.maiamp.gov.my
Emel : korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

Persidangan MAIPk kali ke-184

Keselamatan Tanggungjawab Bersama

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, keadaan keselamatan mempengaruhi kerukunan alam dan kesejahteraan hidup insan. Seseorang insan tidak dapat melalui hidup harian yang sejahtera dalam persekitaran hidup yang tidak selamat. Undang-undang dan peraturan diperkenalkan di dalam sesebuah negara dan di bawah sesuatu pemerintahan, bertujuan untuk memastikan keselamatan insan, membolehkan mereka bekerja untuk mencari nafkah tanpa gangguan, tidak merasa bimbang atas keselamatan nyawa, keselamatan ahli keluarga dan keselamatan harta benda, baik ketika berada di dalam atau di luar rumah.

"Jenayah akan berleluasa jika penjenayah beranggapan pihak berkuasa kurang tegas menguatkuasakan undang-undang. Jenayah semakin berani dilakukan jika penjenayah beranggapan bahawa mereka begitu mudah terlepas dari tangkapan, mudah bebas dari dakwaan dan jika disabitkan, sekadar dijatuhkan hukuman yang ringan.

Terkandung dalam lirik sebuah lagu popular pada tahun enam puluhan berbunyi, "dunialah sekarang - sudahlah terbalik, pemudi berbaju belang – pemuda berbaju batik". Lirik lagu tersebut ada unsur-unsur nasihat dan peringatan. Penulis lirik tersebut, mengingatkan bahawa nilai yang songsang boleh merosakkan kehidupan alam. Betapa nilai songsang, kini kelihatan berlaku, apabila penjenayah dijulang sebagai wira sementara penjaga keamanan dianggap melakukan kezaliman. Nilai sedemikian adalah songsang dan perlu ditolak secara tegas. Nilai sedemikian, jika diterima akan memberi galakan kepada lebih ramai

pihak untuk lebih berani melakukan jenayah, bersifat riak mencabar autoriti, bertindak ganas, terus melakukan jenayah membunuh menurut hawa nafsu. Negara ini bukan tempat yang boleh membenarkan berlakunya budaya "cowboy" yang memberi lesen kepada mana-mana pihak sesenang hati menembak dan membunuh.

Usaha membanteras jenayah hendaklah dijayakan secara kolektif. Penjenayah adalah penjenayah; penjenayah harus dilihat dari lensa sedemikian, tanpa dikait paut dengan faktor kaum, tanpa dikait paut dengan motif politik kepartian. Tugas Polis wajib dibantu. Moral anggota Polis menegakkan keamanan, berkurban nyawa dan keselamatan diri, wajib dipertahankan dan diberikan sokongan padu oleh setiap warga yang mahukan keamanan. Tugas membanteras jenayah adalah tugas fardu kifayah. Ia wajib disokong - diambil tanggung jawab secara bersama oleh setiap ummah, demi memastikan keselamatan nyawa, harta benda dan anak isteri. Para penjenayah jangan sama sekali dilindungi, jauh sekali dari diiktiraf sebagai wira," titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-184 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 12 September 2013.

Sehubungan itu, Baginda bertitah bahawa, Jawatankuasa Masjid dan Surau sewajarnya mengambil langkah membantu meringankan tugas-tugas polis. Anggota Polis wajar dijemput menyampaikan taklimat dan penerangan keselamatan dalam sesi-sesi tazkirah yang dianjurkan di masjid dan surau. Kesedaran ummah terhadap langkah-langkah preventif mencegah jenayah ditingkatkan melalui kandungan khutbah di mimbar Jumaat.

Persidangan MAIPk kali ke-185

Sikap Berjimat Cermat Amalan Mulia

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, bajet yang dapat mengimbangkan hasil dengan perbelanjaan adalah bajet yang ideal bagi memastikan organisasi tidak perlu menanggung defisit. Bajet yang mempunyai defisiti boleh mendorong organisasi melakukan pinjaman dan terpaksa menanggung bebanan hutang. Hutang dimungkinkan sekiranya pinjaman dilakukan untuk tujuan produktif yang pada akhirnya memberikan pulangan bersih positif atau yang berpotensi memberikan manfaat jangka panjang.

"Falsafah di sebalik bajet seimbang bukan sahaja relevan kepada organisasi, malah ia mempunyai aplikasi langsung kepada kehidupan setiap individu dan setiap keluarga. Sumber rezeki dan sumber kekayaan ada batasannya. Ia tidak melimpah ruah, bagi pipis datang melayang – bagi bulat datang menggolek. Kerana itu, Islam amat menegaskan supaya insan berbelanja secara bertanggung jawab lagi berhemah dengan mengamalkan sikap berjimat cermat serta menegah budaya boros dan amalan pembaziran. Di peringkat individu dan keluarga, sikap berbelanja melebihi

pendapatan akan mendorong kepada perbuatan-perbuatan tidak sihat, berhutang, menipu, menyalah guna kuasa dan rasuah. Ramai pula yang berakhir sebagai muflis," titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kali ke-185 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 20 September 2013.

Sehubungan itu, Baginda bertitah pengetahuan dan pemahaman mengenai bajet dan relevansinya dalam kehidupan individu dan keluarga sewajarnya diperkenalkan dalam kuliah-kuliah dan kelas-kelas agama yang dianjurkan di surau, masjid dan jabatan-jabatan kerajaan. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-185 membincangkan mengenai Bajet 2014 Majlis yang dianggarkan memungut hasil RM135.9 juta. Jumlah tersebut diperolehi melalui RM120 juta pungutan zakat, RM10 juta sumber am Baitulmal dan RM5.9 juta dari wang terkumpul. Daripada jumlah pungutan tersebut, RM125.9 juta dibelanjakan untuk tujuan pengurusan dan pembangunan asnaf zakat manakala RM10 juta bagi tujuan perbelanjaan sumber am Baitulmal.

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan & Tanaman 2013

IPOH – Pada 20 Disember 2013 telah dianjurkan Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan dan Tanaman di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah berkenan untuk menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir ke majlis tersebut ialah YAB. Menteri Besar Perak, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dan Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan dan tanaman yang diserahkan kepada MAIPk ialah RM6,124,490.72. Berikut merupakan pihak-pihak yang menyerahkan zakat kepada pihak MAIPk –

BIL.	NAMA AGENSI	JUMLAH ZAKAT (RM)
1.	Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Kumpulan (Zakat Perniagaan 2011)	2,327,958.91
2.	Felcra Berhad Wilayah Perak (Zaka Tanaman Padi Musim 1/2013)	1,115,335.32

BIL.	NAMA AGENSI	JUMLAH ZAKAT (RM)
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (Zakat Perniagaan 2012)	850,000.00
4.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (Zakat Perniagaan 2012)	840,000.00
5.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Zakat Perniagaan 2012)	249,628.57
6.	Hedd Industries Sdn. Bhd (Zakat Perniagaan 2012)	191,000.00
7.	Smart Aladdin Sdn. Bhd (Zakat Perniagaan 2012)	159,000.00
8.	Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad (Zakat Perniagaan 2012)	150,000.00
9.	Agro Bank (Zakat Perniagaan 2013)	137,310.08
10.	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Zakat Perniagaan 2012)	104,257.84



Koperasi-Koperasi Menunaikan Zakat Perniagaan

IPOH – Satu Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan telah diadakan pada 13 September 2013 di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Sebanyak empat koperasi menyerahkan zakat kepada MAIPk yang diwakili oleh Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor, Penasihat Agama MAIPk. Koperasi-koperasi yang terlibat ialah Koperasi Guru-Guru Melayu Kuala Kangsar dan Hulu Perak Berhad berjumlah RM93,969.01 diwakili oleh Tuan Haji Yunus bin Haji Mohamed Jadidi, Koperasi Anggota Anggota Majlis Perbandaran Teluk Intan Berhad berjumlah RM21,403.40 dan Koperasi Pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun Berhad berjumlah RM605.38 diwakili oleh Encik Azmir bin Othman serta Koperasi Azam Berhad berjumlah RM5,330.22 diwakili oleh Encik Othman bin Ghazali.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan yang diserahkan kepada MAIPk ialah RM121,308.01. Pihak MAIPk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan koperasi-koperasi terbabit kerana menunaikan salah satu kewajipan dalam Islam. Didoakan koperasi-koperasi tersebut terus maju dan diberkati dalam perniagaan yang diusahakan.



Majlis Perasmian Penutup Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan kali ke-2 (Zon Utara) & Penyerahan Bantuan Rumah Berkelompok (Baitul Asnaf)

BATU GAJAH - Pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengadakan Majlis Perasmian Penutup Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan Kali Ke 2/2013 (Zon Utara) dan Penyerahan Bantuan Rumah Berkelompok (Baitul Asnaf) dengan kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Majlis Agama Islam Negeri Kedah serta Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada 30 November 2013. Program ini disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Mohd Haidi bin Sulaiman.

Program Kembara Zakat Kebangsaan Kali Ke-2 (Zon Utara) telah diadakan sejak 27 November 2013. Program ini bermula di Perlis, diikuti di Kedah, Pulau Pinang dan pada hari ini berakhir di Batu Gajah, Perak. Antara tujuan program ini dianjurkan untuk memperkuuh dan mempermekarkan agihan zakat dengan melihat secara langsung kehidupan penerima-penerima

bantuan. Di samping itu, program ini dapat membina dan memperkuuhkan hubungan antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan JAWHAR dengan masyarakat.

Kewujudan rumah berkelompok MAIPk iaitu Baitul Asnaf merupakan cetusan idea Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada tahun 2010 iaitu YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor. Ramai orang memohon bantuan bina rumah sedangkan mereka tidak mempunyai tapak tanah untuk dibina rumah menyukarkan pemberian bantuan rumah dari pihak MAIPk. Oleh itu, tanah-tanah wakaf dimanfaatkan dengan didirikan rumah-rumah bantuan ini berjumlah 11 biji rumah. Baitul Asnaf ini dibina di atas tanah wakaf am berkeluasan 30 ekar di Kg. Ara Payung, Mukim Sg. Terap, Batu Gajah, Perak. Pemohon-pemohon yang layak menduduki rumah di Baitul Asnaf ini telah dipertimbang menurut panduan agihan zakat MAIPk serta diperakui oleh Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi MAIPk.



Penyerahan Biasiswa Pelajaran MAIPk 2013 Serta Pelancaran Laman Facebook Sahabat Asnaf MAIPk

IPOH – MAIPk menganjurkan satu program Penyerahan Biasiswa Pelajaran MAIPk 2013 pada 30 September 2013 di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Seramai 80 pelajar telah terpilih dari seluruh Negeri Perak untuk menerima Skim Biasiswa Pelajaran MAIPk 2013. Program ini disempurnakan oleh Penasihat Agama MAIPk, YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor. Antara tetamu yang hadir ke program ini ialah Ketua Sektor Pengajian Islam, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Puan Hajah Salmiah binti Sabran dan Ketua Penolong Setiausaha MAIPk, Ustaz Mohd Haidi bin Sulaiman.

Para pelajar yang menerima biasiswa ini dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh

pihak MAIPk seperti pencapaian keputusan UPSR, Ujian Pendidikan Islam Tahun 6, tahap penglibatan kokurikulum serta maklumat pendapatan keluarga. Para pelajar yang terpilih menerima biasiswa tahunan RM5 ribu sehingga mereka tamat pengajian tingkatan lima kelak.

Program yang sama juga diadakan pelancaran laman sosial Facebook Sahabat Asnaf MAIPk. Laman ini diwujudkan bagi pihak MAIPk menyalurkan maklumat berkaitan agihan zakat di negeri ini berdasarkan skim-skim bantuan yang disediakan. Semoga dengan adanya laman Facebook Sahabat Asnaf dapat memberi maklumat kepada masyarakat berkenaan agihan yang dilaksanakan serta skim-skim bantuan yang disediakan oleh pihak MAIPk.



Program Kenali Emas & Harta Kita

IPOH – Satu program Kenali Emas dan Harta Kita yang dianjurkan oleh MAIPk dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Perak telah diadakan pada 13 November 2013. Program ini diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan bermula jam 9.30 pagi sehingga 1.00 petang. Pengisian untuk program ini disampaikan oleh Pakar Runding UKM mengenai kajian 'Uruf Emas semasa yang dilaksanakan serta mengenai Sistem Pajak Gadai Islam daripada Jabatan Ar-Rahnu, Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Turut hadir ke program ini ialah Pengerusi Biro Agama PUSPANITA, Datin Hajah Nurul Huda binti Mokhtar dan Ustaz Bakri bin Lee, Penolong Setiausaha Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

Tujuan program ini diadakan bagi memberi penerangan lebih terperinci mengenai perihal emas perhiasan dan ciri-cirinya. Di samping itu, para peserta dapat mengetahui barang emas dan kemas yang digunakan dalam sistem pajak gadai Islam. Para peserta yang hadir terlibat dengan kajian lapangan mengenai 'Urus Emas Semasa yang dibuat oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di seluruh Malaysia bagi dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Semoga partisipasi daripada para peserta memberikan banyak manfaat kepada umat Islam di Malaysia.



Program Motivasi Kecemerlangan & Qiamullail

KAHERAH – Seramai 200 orang mahasiswa dan mahasiswa Perak telah menghadirkan diri dalam program Motivasi Kecemerlangan dan Qiamullail anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar Perak (HEP) Egypt dengan kerjasama Keluarga Pelajar-pelajar Islam Perak Mesir pada 12 Disember 2013. Program di bawah Biro Pelajaran dan Ilmiah dengan kerjasama Biro Dakwah dan Tarbiah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada seluruh ahli KPIPM di Kaherah Mahasiswa Pengajian Islam mahupun Sains Kesihatan.

Forum Motivasi kecemerlangan yang telah diadakan pada malam tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Ustaz Munawir bin Mohamed Noh, Pegawai HEP Perak Egypt serta menampilkan dua orang tokoh akademik Mahasiswa Perak yang menjadi ikon para mahasiswa di bumi Mesir. Mereka ialah Ustaz Muhammad Afifi Bin Abdullah yang merupakan graduan bidang Syariah Islamiah dan Bahasa Arab serta merupakan mahasiswa Tahun 3 Darul Ifta'. Panelis kedua ialah Doktor Wan Ahmad Hafizi bin Wan Ahmad Junaidi merupakan Mahasiswa Kuliah Perubatan Tahun 6 di Universiti Kaherah yang juga merupakan mantan Presiden Persatuan Perubatan Mesir. Moderator pula dikendalikan dengan baik oleh Dr. Aimi Syahirah Binti Bahamam.

Pada jam 3.00 pagi keesokan harinya, program bersambung untuk qiamullail secara berjemaah. Antara pengisian yang dilaksanakan ialah mengadakan solat sunat hifzi, solat tahajjud, solat taubat serta solat hajat dan diakhiri dengan solat witir. Seterusnya, semua yang hadir mendirikan solat subuh secara berjemaah sebelum mendengar kuliah subuh yang disampaikan oleh Ustaz Syafiq Bin Sahimi, Mahasiswa Tahun 2, Darul Ifta'. Program yang berlangsung selama dua hari berakhir pada jam 7.30 pagi. Pelbagai pengisian dan input yang boleh diambil buat mereka yang hadir agar lebih bersemangat untuk menghadapi peperiksaan yang bakal tiba tidak lama lagi. Keluarga Pelajar-pelajar Islam Perak Mesir mengharapkan akan lahir lebih ramai tokoh-tokoh daripada kalangan ahli Perak khususnya yang faqih dalam pelbagai bidang ilmu.





1 2



5 6



9 10



Berita Sana Sini

1. Program ramah mesra bersama para pelajar Latihan Kemahiran Asnaf 2013 telah diadakan pada 02 September 2013 di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan.
2. Kursus Pengurusan dan Pemantauan Tapak Projek di Hotel Taiping Perdana, Taiping pada 17 – 19 September 2013.
3. Bahagian Zakat mengadakan lawatan kerja mengenai projek bina rumah yang diuruskan oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP) pada 19 September 2013.
4. Pegawai Baitulmal Daerah Kampar menyerahkan sumbangan kepada salah seorang peserta sempena Program Berdialog Bersama Non-Muslim di Taman Sejahtera Fasa 2, Kampar pada 06 Oktober 2013.

5. Para pekhidmat MAIPK sedang mendengar ucapan Pemangku KPE MAIPk di Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 04/2013 pada 28 Oktober 2013.
6. Para peserta dari kalangan para pelajar ke Timur Tengah mendengar ucapan Penolong Setiausaha Bahagian Zakat di Program Ramah Mesra Ibnu Sabil pada 04 November 2013.
7. Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Daerah Hilir Perak Tahun 2013 pada 14 November 2013.
8. Sebahagian pemohon-pemohon bantuan MAIPk terlibat dengan Program Ops Sisih 2013 Daerah Hilir Perak pada 18 – 20 November 2013.
9. Program Temuduga Penerima Semula Bantuan Bulanan MAIPk untuk tahun 2014 di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan mulai 18 hingga 27 November 2013.
10. Kajian ‘Uruf Emas Peringkat Negeri Perak di Bagan Serai pada 27 November 2013.



11. Para peserta lawatan kerja yang diketuai oleh Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan MAIPk ke Akademi Kulinari, Terengganu pada 30 November – 2 Disember 2013.
12. Penyerahan Zakat BERNAS kepada pihak MAIPk pada 18 Disember 2013 di Kompleks Islam Darul Ridzuan.
13. Program Motivasi Asnaf dan Penyerahan Bantuan Bulanan kepada 141 orang penerima bantuan bulanan tunai daerah Kampar pada 30 Disember 2013.
14. Bengkel mewujudkan daftar geran tanah wakaf dan baitulmal di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Skim Bantuan

Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak

Pihak MAIPk bertanggungjawab bagi membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial ummah di Negeri Perak. Tanggungjawab ini disempurnakan menurut pematuhan Hukum Syarak. Wang zakat yang dipungut saban tahun diagihkan semula kepada lapan asnaf yang berhak menerimanya sebagaimana termaktub dalam Al-Quran iaitu asnaf Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Ghorimin, Ibnu Sabil, Fisabilillah dan Ar-Riqab. Sebahagian besar agihan dilaksanakan seperti berikut –

A. Program Pembangunan Sosial

Bil.	Jenis Bantuan	Skop Bantuan	Bil.	Jenis Bantuan	Skop Bantuan
1	Bantuan Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang akan disalurkan kepada asnaf adalah dalam bentuk kewangan untuk memenuhi keperluan asas bagi menyara diri dan tanggungannya. 	7	Bantuan Pengurusan Jenazah	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan secara sekaligus merangkumi – <ul style="list-style-type: none"> Mandi jenazah Kelengkapan kafan Kenderaan Pengurusan pengebumian
2	Bantuan Bina/Baikpulih Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Pembaikan bahagian yang mengalami kerosakan seperti lantai, dinding, bumbung, gelegar, kuda-kuda atau mana-mana bahagian/komponen asas daripada rumah tersebut. Kadar maksimum bantuan baikpulih rumah sebanyak RM12,000.00. Kadar bantuan bina rumah terbahagi kepada dua jenis seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> -Jenis A (3 bilik) : RM40,000.00 -Jenis B (2 bilik) : RM35,000.00 	8	Bantuan Perjalanan Domestik (Sosial)	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang akan disalurkan kepada asnaf adalah tambang perjalanan yang meliputi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> Tiket perjalanan Wang saku (tunai)
3	Bantuan Sewa Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang disalurkan adalah dalam bentuk kewangan bulanan bagi menjelaskan bayaran sewaan rumah. 	9	Bantuan Penyelesaian Hutang (Gharimin)	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan hanya untuk menjelaskan hutang bagi memenuhi pembiayaan keperluan asasi diri dan tanggungannya yang meliputi aktiviti-aktiviti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Perlindungan Makanan Pakaian Pendidikan Perubatan Pengangkutan – tambang
4	Bantuan Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan perubatan meliputi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> Rawatan Ubat-ubatan Pembedahan Hemodialisis Peralatan sokongan 	10	Bantuan Kebajikan Anak Yatim	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang disalurkan kepada asnaf adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Bantuan kewangan bulanan Bantuan persekolahan
5	Bantuan Aidilfitri	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang disalurkan kepada asnaf adalah dalam bentuk kewangan secara sekaligus bagi membuat persiapan menyambut hari raya Aidilfitri. 	11	Bantuan Bencana Alam	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang disalurkan kepada mangsa bencana bergantung kepada kesan yang dialami akibat daripada bencana tersebut.
6	Bantuan Kecemasan/Segera	<ul style="list-style-type: none"> Skop bantuan yang akan disalurkan kepada asnaf adalah secara sekaligus dalam bentuk kewangan. 			* Bersambung pada keluaran akan datang



Bantuan Persekolah

Sebahagian Senarai Nama Penerima
Bantuan Persekolah Tahun 2013*

BIL.	NAMA SEKOLAH	BIL. PELAJAR	JUMLAH BANTUAN (RM)
A) DAERAH BATU GAJAH			
1	SMK Dato' Bendahara C.M Yusof	103	38,700.00
2	SMK Sultan Yusof	85	24,000.00
3	SK Bakap	88	22,800.00
4	SMK Toh Indera Wangsa Ahmad	252	17,700.00
5	SMK Tronoh	44	16,800.00
6	SK Tronoh	34	11,200.00
7	SK Tanjung Tualang	28	8,400.00
B) DAERAH BAGAN SERAI			
8	SMK Abu Bakar Al-Baqir, Bagan Serai	195	27,950.00
9	SMK Sri Kurau	101	14,100.00
10	SMK Gunung Semanggol	95	11,800.00
11	SMK Alor Pongsu	79	9,700.00
12	SMK Selinsing	59	6,950.00
13	SMK Alang Iskandar, Bagan Serai, Perak.	32	5,050.00
14	SMK Bagan Serai, Perak	42	4,800.00
15	SABK Ma'ahad Ar Ridhwan, Perak	10	1,100.00
C) DAERAH GERIK			
16	SMK Gerik	85	17,000.00
17	SBK Tan Sri Ghazali Jawi	65	13,000.00
18	SMK Sultan Idrus Shah II	65	13,000.00
19	SMK Kening	61	12,200.00
20	SMK Batu 4	56	11,200.00
21	SMK Bersia FELDA	31	6,200.00
22	SMK Dato' Seri Wan Mohomad	30	6,000.00
23	SMK Seri Budiman	17	3,400.00
24	SMK Kenayat	4	800.00
D) DAERAH LENGGONG			
25	SMK Sultan Azlan Shah	119	23,800.00
26	SMK Dato' Ahmad	100	20,000.00
27	SK Lenggong	74	14,800.00
28	SMK Tan Sri Abdul Aziz	42	8,400.00
29	SK Temelong	29	5,800.00
30	SK Gelok, Lenggong	24	4,800.00
31	SK Luat	22	4,400.00
32	SK Chepor	21	4,200.00
33	SK Banggol Belimbing	18	3,600.00
34	SK Bukit Sapi	17	3,400.00
E) DAERAH KUALA KANGSAR			
35	SK Pos Legap	193	28,950.00
36	SMK Tun Perak	91	18,200.00
37	SMK Tok Muda Abdul Aziz	77	15,400.00
38	SMK Temenggong Kati	56	11,200.00
39	SMK Sayong	51	10,200.00
40	SMK Simpang Beluru	48	9,600.00
41	SMK Clifforf	47	9,200.00
42	SK Raja Perempuan Mazuin	63	9,450.00
43	SMK Tajul Ariffin	46	9,200.00
44	SK Temin	58	8,700.00

BIL.	NAMA SEKOLAH	BIL. PELAJAR	JUMLAH BANTUAN (RM)
F) DAERAH MANJUNG			
45	SMK Dato' Idris Pangkalan Bharu	205	30,750.00
46	SMK Ahmad Boestamam	111	17,150.00
47	SMK Ambrose	98	14,700.00
48	SMK Samudera	66	9,900.00
49	SMK Raja Shahriman	65	9,750.00
50	SMK Pantai Remis	64	9,600.00
51	SMK Methodist (ACS), Setiawan	63	9,450.00
52	SMK Pulau Pangkor	58	8,700.00
53	SMK Batu 10, Lekir	54	8,600.00
G) DAERAH PARIT BUNTAR			
54	SMK Raja Lope Nor Rashid	146	44,800.00
55	SMK Kuala Kurau	105	31,500.00
56	SMK Seri Perak	99	27,825.00
57	SMK Panglima Bukit Gantang	82	26,250.00
58	SMA Al-Hidayah	62	18,725.00
H) DAERAH TAIPING			
59	SMK Kamunting	168	44,600.00
60	SMK Dr. Burhanuddin	139	29,800.00
61	SMK Jelai	88	29,400.00
62	SMK Tat Beng	77	25,400.00
63	SMK Simpang	71	20,400.00
64	SMK Bukit Jana	67	19,600.00
65	SMK Sri Kota	73	19,000.00
66	Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah	93	18,600.00
67	SMK Tengku Menteri	59	18,400.00
68	SMK Pengkalan Aur	62	16,800.00
I) DAERAH PENGKALAN HULU			
69	SMK Tun Saban	130	26,000.00
70	SK Kuak Hulu	45	9,000.00
71	SK Kuak Luar	43	8,600.00
72	SK KLian Intan	39	7,800.00
73	SMK Pengkalan Hulu	24	4,800.00
74	SMA Al-YUsufiah	23	4,600.00
75	MAahad TAhfiz Al Quran WalQiraat Addin	5	3,250.00
76	SK Kroh	9	1,800.00
77	SK Felda Lepang Nenering	3	600.00
78	Maktab Tentera Diraja Sg. Besi	1	450.00
79	SMA Maahad Al Mizan	1	450.00
80	SMA Annajah Titi Gantung	1	450.00
J) DAERAH SERI ISKANDAR			
81	SMK Layang-Layang Kiri	121	29,400.00
82	SMK Dato' Abd Rahman Yaakob	182	24,600.00
83	SMK Sultan Muhammad Shah	91	16,150.00
84	SMK Sultan Muzafar Shah 1	91	13,550.00
85	SMK Iskandar Shah	64	9,600.00
86	SMK Lambor Kiri	51	7,650.00
87	Kolej Vokasional Seri Iskandar	12	4,200.00
88	SM Raja Dr Nazrin Shah	4	1,600.00

* Jumlah agihan bantuan persekolahan pada tahun 2013 berjumlah RM3.15 juta.

Bantuan Perubatan

Sebahagian Senarai Nama Penerima Bantuan Perubatan Tahun 2013*

Bil.	NAMA	JUM. BANTUAN (RM)	BENTUK BANTUAN
A) DAERAH BATU GAJAH			
1	Alibiah Bin Mat Zin	6,500.00	Alatan pembedahan
2	Nurul Izzati Bin Mustaffa	5,000.00	Kos pembedahan
B) DAERAH BAGAN SERAI			
3	Ahmad Sazali Bin Sabran	9,000.00	Kaki palsu
4	Samiah Binti Ramli	5,000.00	Implan kaki
5	Che Mahadzir Bin Mahamood	3,000.00	Kos pembedahan
C) DAERAH GERIK			
6	Harun Bin Che Soh	10,000.00	Pembedahan usus
7	Shuib Bin Abdul Rahman	9,600.00	Kaki palsu
8	Zamri Bin Hussain	3,500.00	Pembedahan mata
9	Mohamad Yunus Bin Ahmad	850.00	Implant
D) DAERAH LENGGONG			
18	Siti Khalifah Binti Syed Ahmad	2,990.00	Alat bantuan pendengaran
19	Mohamad Kama Bin Yatim	1,015.00	Kanta intraocular
E) DAERAH KUALA KANGSAR			
10	Asfa Zuwairi Bin Abdullah @ Abd Wahab	9,000.00	Alatan pembedahan obesiti
11	Utah Binti Itam Yaakob	6,800.00	Implan kaki
12	Noriswati Binti Itam Yaakob	6,000.00	Alatan pembedahan obesiti
13	Mohamad Azril Bin Mohd Sabri	4,500.00	Implan kaki
14	Muhammad amirul Faiq Bin Abdul hamid	4,500.00	Implan kaki
15	Hakimi Bin mohamad Shaharudin @ Yahya	4,313.00	Katil hospital dan kerusi roda
16	Norsisha Binti Razali	3,060.00	Alatan pembedahan hernia
17	Muhammad Syarifuddin Bin Abd Rasid	2,600.00	Implan kaki
18	Suzita Binti Zainun	1,000.00	Kanta mata
19	Abd Amin Bin Anjang Darus	675.00	Kanta mata
F) DAERAH TAIPING			
20	Nor Iksan Bin Mohamed Arbi	8,500.00	Kos pembedahan
21	Liza Azman Bin Abdul Wahab	3,500.00	Implan
22	Dzulkifli Bin Othman	3,000.00	Kos pembedahan
23	Kamariah Binti Dulmat	750.00	Pembedahan
24	Mek Binti Dollah	700.00	Kanta mata
25	Meriam Binti Awang	700.00	Perubatan
26	Zizah Binti Ahmad	675.00	Alat sokongan
27	Md Nor Azhar Bin Md Radi	600.00	Perubatan
28	Noor Izam Bin Abdul Rahim	580.00	Alat sokongan

Bil.	NAMA	JUM. BANTUAN (RM)	BENTUK BANTUAN
29	Fatimah Binti Shafie	400.00	Alat sokongan
F) DAERAH SRI ISKANDAR			
30	Mohd Yushaimey bin Othman	6,200.00	Peralatan oksigen
		2,944.00	Barang keperluan harian
31	Mohd Saidi Bin Zaini	560.00	Bantuan perubatan bulanan
H) DAERAH MANJUNG			
32	Muhd Khirul Alif Bin Muhammad	5,800.00	Kaki palsu sebelah kanan
33	Salmiah Binti Ahmad	4,950.00	Kaki palsu sebelah kiri
34	Abd Hamid Bin Tanjumia	4,950.00	Kaki palsu sebelah kiri
35	Roziah Binti Senawi	4,950.00	Beli kaki palsu sebelah kiri
36	Ahmad Bin Hasan	3,800.00	Biayai pembelian alat pernafasan (oxygen) Concentrator
37	Mohd Radi Bin Ibrahim	3,000.00	Bayaran awatan CAPD seumur hidup (sakitbuahpinggang)
38	Ayub Bin Abdul Majid	2,800.00	Implant (LCP Distal Femur)
39	Norbaiti Binti Hamdan	1,830.00	Beli alat perubatan (stapler set) - Buasir
40	Mohd Rizal Bin Yusoff	1,598.00	Biayai kos pembedahan Tapak BBF (Dylisis)
41	Mohammad Asyraf Bin Baharudin	1,000.00	Pembelian Implant
42	Fawziyah Bt. Ahmad	710.00	Kantalol (KATARAK)
43	Faridah binti Mohd Saari	630.50	Bayaran pembedahan (ketumbuhan di kaki)
44	Mohd zuhri Bin Haris	596.00	Implant dan skru
45	Mohd Fiah Bin Hussin	550.00	Bayaran ujian darah
46	Noor Azman Bin Muhammad	485.00	Kanta mata untuk anak
47	Shaidzatul Shima Bt. Sauddin	450.00	Pembelian cermin mata
48	Chek The Bin Awang Kechik	430.00	Bantuan perubatan kanta mata
49	Abu Hasan Bin Bakar	400.00	Cermin mata
50	Muhamad Nasir Bin Jaafar	355.00	Alat perubatan dan ubat
51	Md. Sukartis Bin Jawirono	300.00	Cermin mata
52	Muhamad Sholihin Bin Bahardin	300.00	Implant
53	Rani Bin Khalil	250.00	Cermin mata
I) DAERAH PARIT BUNTAR			
54	Abdul Rani Bin Sidek	5,000.00	Kos pembedahan
55	Abdul Wahab Maheran Bin Abdullah	2,600.00	Pembedahan kaki palsu
56	Mohd Sopian Bin Ismail	2,000.00	Implant
57	Jaafar Bin Yusuf	2,000.00	Katil dan tilam
58	Mat Nasir Bin Murad	1,830.00	Kos pembedahan isteri
59	Mohd Nazri Bin Mohd Shuid	800.00	Bantuan kenderaaan(OKU)
60	Khalidin Bin Ismail	650.00	Cermin mata
61	Zalihah Binti Arpan	650.00	Cermin mata
62	Enah Binti Yah	600.00	Cermin mata

* Jumlah agihan bantuan perubatan termasuk rawatan hemodialisis pada tahun 2013 berjumlah RM16.87 juta.

Bantuan Bina Rumah

Sebahagian Senarai Nama Penerima Bantuan Bina Rumah Tahun 2013*

Bil.	NAMA	JENIS RUMAH	JUMLAH BANTUAN (RM)
A) DAERAH BATU GAJAH			
1	Sulaiman Bin Mohamed Sharif	A	40,000.00
2	Hatijah Binti Hatib	A	40,000.00
3	Zainuddin Bin Darun	A	40,000.00
4	Mohd Tajuddin Bin Abdulah	A	40,000.00
5	Abdul Halim Bin Mat Husain	A	40,000.00
6	Amiruddin Bin Hassan	A	40,000.00
B) DAERAH BAGAN SERAI			
7	Zahari Bin Ahmad	A	40,000.00
8	Ramziah Binti Rashidi	A	40,000.00
9	Normazida Binti Salleh	A	40,000.00
10	Rohana Binti Ajit	A	40,000.00
11	Ahmad Mokhtar Bin Saad	A	40,000.00
12	Mohamad Ramzi Bin Ahmad	A	40,000.00
13	Muhammad Bin Mat Rashid	A	40,000.00
14	Hanim Binti Sarip @ Shariff	A	40,000.00
C) DAERAH GERIK			
15	Mazida Binti Idris	A	40,000.00
16	Mohd Zainudin Bin Salleh	A	40,000.00
17	Yaakob Bin Harun	A	40,000.00
18	Efandi Bin Mat Isa	A	40,000.00
19	Mamat Bin Ismail	A	40,000.00
20	Norhayati Binti Jamaludin	A	40,000.00
21	Norezan Binti Abdul Razak	A	40,000.00
22	Hamid Bin Bakar	B	35,000.00
23	Mohd Shariff Bin Abd Rani	B	35,000.00
D) DAERAH LENGGONG			
24	Saipu Rozaimi Bin Dahlan	A	40,000.00
25	Jefri Bin Mat	A	40,000.00
26	Rosli Bin Md. Yusuf	A	40,000.00
E) DAERAH KUALA KANGSAR			
27	Teh Binti Long	A	40,000.00
28	Nordin Bin Aaim	A	40,000.00
29	Umar Bin Itam	A	40,000.00
30	Rosli Bin Pandak	A	40,000.00
31	Zainal Bin Itam	A	40,000.00
32	Ago @ Mohd Rosdi Bin Itam	A	40,000.00
33	Anjang Bin Alang	A	40,000.00
34	Narasid @ Norasid Bin Din	A	40,000.00

Bil.	NAMA	JENIS RUMAH	JUMLAH BANTUAN (RM)
F) DAERAH MANJUNG			
35	Siti Asah Binti Abd Kadir	A	40,000.00
36	Roshayati Binti Abdullah	A	40,000.00
37	Mamat Rot Bin Nor	A	40,000.00
38	Rosdi Bin Abd Rashid	A	40,000.00
39	Nor Asiah Binti Bahari	A	40,000.00
40	Amnah Binti Md Nazir	A	40,000.00
41	Umi Kalsum Binti Sharif	B	35,000.00
42	Meor Ahmad Bin Kamarudin	B	35,000.00
43	Zabedah Binti Ishak	B	35,000.00
G) DAERAH PARIT BUNTAR			
44	Mohamad Rizal Bin Che Ani	A	40,000.00
45	Norzalina Binti Mohd Ghazali	A	40,000.00
46	Ayob Khan Bin Mustafa	A	40,000.00
47	Norsiah Binti Haji Yusoff	A	40,000.00
48	Zureme Bin Abdul Majid	A	40,000.00
49	Azehar Bin Yusop	A	40,000.00
50	Mah Binti Mat	A	40,000.00
51	Salamah Binti Yusop	A	40,000.00
52	Abdul Rashid Bin Hussin	A	40,000.00
53	Nik Rashid Bin Nik Hassan	A	40,000.00
54	Zainal Abidin Bin Abas	A	40,000.00
55	Abd Rashid Bin Hamid	B	35,000.00
H) DAERAH TAIPING			
56	Zuraidah Binti Musa	A	40,000.00
57	Sabran Bin Asit	A	40,000.00
58	Roslan Bin Abd. Majid	A	40,000.00
59	Chieck Desa B. Ahmad	A	40,000.00
60	Sulaiman Bin Yahaya	B	35,000.00
61	Mat Zain Bin Saad	B	35,000.00
62	Abdul Wahab Bin Wok	B	35,000.00
I) DAERAH SERI ISKANDAR			
63	Syed Nasarudin Bin Syed Ali	A	40,000.00
64	Ibrahim Bin Mohd Othman	A	40,000.00
65	Jamaluddin Bin Latif	A	40,000.00
66	Norizan Bt Ngah Mat Resat	B	35,000.00
67	Yati Liza Bt Ahmad	B	35,000.00
68	Hashim Bin Mukri	B	35,000.00
69	Syed Ismail Bin Syed Abu Kassim	B	35,000.00
J) DAERAH KG. GAJAH			
70	MOHD ANUAR BIN ALIFIAH	A	40,000.00
71	JAMHOR BIN MISWAN	A	40,000.00
72	ABDUL KADIR BIN HJ MD NOOR	B	35,000.00

* Jumlah agihan bantuan bina rumah pada tahun 2013 berjumlah RM5.29 juta.

Bantuan Modal

Sebahagian Senarai Nama Penerima
Bantuan Modal Tahun 2013*

Bil.	NAMA	JUM. BANTUAN (RM)	BENTUK BANTUAN
A) DAERAH BATU GAJAH			
1	Abdul Latif Bin Mat Rashid	10,000.00	Bot enjin angkut, sampan dan peratan nelayan
2	Mohd Safian Sauri Bin Pandak Abd Samad	9,800.00	Sebuah van
3	Ahmad Bin Abdullah	8,500.00	Peralatan nelayan
4	Rozita Binti Shahidan	5,790.00	Gas oven, gas oven frame dan food mixer
5	Sharil Izzuan Bin Kamaruddin	5,280.00	Alatan membabi penghawa dingin
6	Muhizam Bin Murad	5,000.00	Alatan perniagaan
7	Amran Bin Kamarudin	4,000.00	Alatan elektronik dan mesin membuat soya
8	Asiah Binti Mohamad	3,843.00	Food mixer, hot plate stove, burner
9	Shamsul Anuar Bin Zainal	3,795.00	Mesin jahit
10	Azizulhisham Bin Abdul Aziz	1,900.00	Cutter paper
B) DAERAH BAGAN SERAI			
11	Abdul Latif Bin Osman	6,300.00	Enjin bot
12	Mohd Azlan Bin Marhusin	5,000.00	Berniaga nasi lemak
13	Muhamad Zaidin Bin Mat Kasa	2,500.00	Mesin tebu
C) DAERAH GERIK			
14	Siti Fatimah Binti Ahmad	6,500.00	Baikpulih kedai
15	Roslan Bin Hamid	3,800.00	Mesin jahit
16	Samsuddin Bin Awang	2,000.00	Mesin proses pekasam
17	Siti Rohani Binti Mat Lee	1,000.00	Alatan kedai makan
D) DAERAH LENGGONG			
18	Musa Bin Ramli	3,000.00	Peralatan bernesiga
19	Junainah Binti Idris	2,300.00	Peralatan memukat ikan
20	Ahmad Shahari Bin Suwapli	1,525.00	Mesin jahit
E) DAERAH KUALA KANGSAR			
21	Abdullah Sani Bin Mohd Naharudin	8,300.00	Membeli peralatan kedai
22	Yahaya bin Yunus	5,000.00	Peralatan bernesiga
23	Mohd Sabri Bin Mustafa	5,000.00	Modal perniagaan
24	Ismail Bin Mohamed	5,000.00	Modal perniagaan
25	Ahmad Sazali Bin Zonkapy	2,931.00	Modal perniagaan
26	Hilman Bin Md Habibi	2,600.00	Komputer riba dan mesin pencetak
27	Yus Sheliza Binti Md Yunos	2,400.00	Peralatan bernesiga
28	Abdul Manaf Bin Abdul Rahim	2,000.00	Membekal stall bergerak
F) DAERAH TAIPING			
29	Zainol Bin Ibrahim	11,400.00	Peralatan nelayan
30	Hussain Bin Zainon	10,000.00	Sampan dan enjin
31	Megat Zainudin Bin Megat Zainun	10,000.00	Enjin bot
32	Che Pa Binti Ali	10,000.00	Peralatan nelayan
33	Siti Esah Binti Hamid	6,400.00	Mesin membuat kuih
34	Zulkipli Bin Omar	6,000.00	Enjin
35	Khairanishah Binti Abd Rani	5,600.00	Mesin jahit
36	Hogaimi Bin Isnawi	4,900.00	Peralatan welding
37	Mohamad Fauzi Bin Mohamad Rajie	2,000.00	Perniagaan kerepek
38	Joriah Bt Mat Rashid	1,500.00	Peralatan bernesiga roti canai dan capati

Bil.	NAMA	JUM. BANTUAN (RM)	BENTUK BANTUAN
G) DAERAH SERI ISKANDAR			
39	Abdul Latif Bin Osman	6,300.00	Enjin bot
40	Mohd Azlan Bin Marhusin	5,000.00	Berniaga nasi lemak
41	Muhamad Zaidin Bin Mat Kasa	2,500.00	Mesin tebu
H) DAERAH MANJUNG			
42	Khairul Paul Bin Abdullah	16,000.00	Sampan, enjin & pukat
43	Mat Disa Bin Othman	16,000.00	Sampan, enjin & pukat
44	Mohamad Mahadi Bin Mat Taib	16,000.00	Sampan & enjin
45	Mustafa Bin Keton	16,000.00	Sampan, enjin & pukat
46	Aznan Bin Ali	16,000.00	Sampan & enjin
47	Sabarani Bin Annie	15,000.00	Sampan, enjin & pukat
48	Mohammad Bin Yahya	15,000.00	Sampan & enjin
49	Ibrahim Bin Jamaluddin	15,000.00	Sampan & enjin
50	Khairi Bin Abdul Hamid	15,000.00	Sampan & enjin
51	Ibrahim Bin Jamaluddin	15,000.00	Sampan & enjin
52	Mohd Jailani Binti Mohd Wazir	15,000.00	Sampan & enjin
53	Mohd Yusof Bin Hasim	14,000.00	Sampan & enjin
54	Hasim Bin Sulaiman	13,500.00	Sampan, enjin & pukat
55	Nor Azimi Bin Tahir	13,000.00	Sampan & enjin
56	Mohammad Noor Bin Hassan	13,000.00	Enjin & alatan pukat
57	Zainal Bin Yusoff	13,000.00	Sampan & enjin
58	Mohd Yusof Bin Mok Tasim	12,000.00	Enjin 40hp
59	Shamsuddin Bin Md Yusof	12,000.00	Enjin & pukat
60	Mohamad Razali Bin Muhamad	12,000.00	Sampan, enjin & peralatan rawai
61	Jackson Bin Molinggun	11,000.00	Sampan & enjin
62	Rosli Bin Zainuddin	10,500.00	Enjin 40hp
63	Muhammad Arif Bin Abdullah	10,300.00	Sampan & enjin
64	Yusry Bin Saidin	10,300.00	Enjin 40hp
65	Mohamad Tajuddin Bin Mohamed Kasim	10,000.00	Peralatan gerai perniagaan
66	Mat Yusof Bin Ismail	9,500.00	Enjin suzuki 30hp
67	Rojaman Bin Mohamed	9,000.00	Sampan
68	Suhaidi Bin Mohamed	9,000.00	Peralatan perniagaan
69	Roslan Bin Amat	8,000.00	Enjin 30hp
70	Rossli Bin Khalil	7,000.00	Modal ternakan puyuh
71	Ahmad Badri Bin Aziz	6,300.00	Sampan 21"
72	Sidek Bin Mohd Saad	6,300.00	Sampan 20"
73	Shaarani Bin Samsudin	6,000.00	Enjin 15hp
74	Ishzar Bin Md Jusoh	6,000.00	Sampan
75	Ahmad Tarmizi Bin Mohd Sharif	6,000.00	Sampan
76	Marjeah Binti Marsum	5,800.00	Peralatan perniagaan
77	Samsuddin Bin Ahmad	5,300.00	Mesin kelapa
78	Zaini Binti Che Din	5,000.00	Barang perniagaan
79	Jamaluddin Bin Mat Desa	4,800.00	Enjin & alatan pukat
80	Rokiah Binti Nordin	4,500.00	Barang perniagaan
81	Rosle Bin Abu Bakar	4,200.00	Mesin jahit & mesin jahit tepi
82	Said Bin Ibrahim	3,800.00	Sampan
I) DAERAH PARIT BUNTAR			
83	Zamli Bin Jaafar	10,000.00	Modal perniagaan satay
84	Nor Hasnah Bt Khalid	9,000.00	Mesin membuat laksa
85	Abdul Shukor Bin Hassan	9,000.00	Enjin bot
86	Mohammad Rosli Bin Chik	8,000.00	Sampan dan peralatan nelayan
87	Mat Isa Bin Samsudin	6,000.00	Membesarkan bengkel memproses ayam

* Jumlah agihan bantuan modal pada tahun 2013 berjumlah RM1.25 juta.

Jumlah Permohonan

Bantuan MAIPk Tahun 2013

DAERAH/ JENIS BANTUAN	SARA DIRI	SEKOLAH	RUMAH	MODAL	PERUBATAN	KECEMASAN	GHORIMIN	BANTUAN AM PELAJARAN	BENCANA	MUALLAF	IBNU SABIL	ANAK YATIM	JUMLAH
IBU PEJABAT	1871	2017	36	136	207	1991	116	2204	11	108	309	0	9006
BAGAN SERAI	535	2171	141	17	10	3	12	688	4	0	0	0	3581
BATU GAJAH	210	810	28	19	8	132	18	442	11	7	7	0	1692
GERIK	111	508	65	6	6	78	2	339	0	0	12	2	1129
KAMPAR	182	836	149	25	5	147	8	330	6	2	0	1	1691
KG. GAJAH	80	184	61	14	7	205	0	325	0	0	3	0	879
KUALA KANGSAR	170	1357	167	50	48	172	21	1131	11	1	28	0	3156
LENGGONG	58	886	57	9	1	35	2	156	0	0	4	0	1208
MANJUNG	296	2144	48	157	21	81	10	486	1	4	10	1	3259
PARIT BUNTAR	295	1352	136	36	37	0	5	642	3	0	22	0	2528
P. HULU	40	410	23	3	25	52	2	101	0	3	0	0	659
SELAMA	107	516	98	6	10	0	1	307	31	2	3	3	1084
SERI ISKANDAR	90	577	73	15	29	15	6	463	5	1	5	3	1282
SLIM RIVER	49	6	3	5	0	50	3	167	0	0	0	0	283
TAIPING	866	1078	131	49	45	107	19	1848	11	8	67	8	4237
TAPAH	142	790	64	14	15	146	13	535	7	7	1	0	1734
TELUK INTAN	456	270	148	76	35	116	24	803	6	7	24	37	2002
JUMLAH	5558	15912	1428	637	509	3330	262	10967	107	150	495	55	39410

Bilangan Pembayar Zakat Tahun 2013*

DAERAH	ZAKAT EMAS DAN PERAK	ZAKAT TANAMAN	ZAKAT KWSP/ LTAT	ZAKAT PELABURAN	ZAKAT PERNIAGAAN	ZAKAT HARTA	ZAKAT TERNAKAN	JUMLAH
IBU PEJABAT	148	9	389	29	468	6179	2	7224
BAGAN SERAI	19	416	44	1	56	580	0	1116
BATU GAJAH	18	1	84	8	43	934	4	1092
GERIK	21	1	53	6	60	625	1	767
KAMPAR	16	2	50	10	36	460	2	576
KG. GAJAH	9	259	33	4	31	380	6	722
KUALA KANGSAR	62	15	201	15	87	1702	0	2082
LENGGONG	2	1	18	1	23	239	3	287
MANJUNG	87	27	175	28	181	2540	1	3039
PARIT BUNTAR	15	329	61	10	74	989	2	1480
P. HULU	4	0	14	0	30	153	1	202
SELAMA	16	3	34	8	16	251	1	329
SERI ISKANDAR	23	198	77	15	136	956	3	1408
SLIM RIVER	28	3	60	2	46	601	0	740
TAIPING	86	20	219	22	177	2477	0	3001
TAPAH	30	12	96	5	98	1124	20	1385
TELUK INTAN	37	382	96	10	138	1695	0	2358
UTC	19	7	141	4	46	803	0	1020
JUMLAH	640	1685	1845	178	1746	22688	46	28828

* Jumlah bilangan pembayar ini tidak termasuk bilangan pembayar Zakat Fitrah



Kelas Antenatal

Kelas antenatal pra kelahiran

OBJEKTIF

- Memahami Aspek-Aspek Kandungan & Kelahiran
- Penjagaan Bayi Dan Senaman Pra Kelahiran Serta Selepas Kelahiran
- Memahami Anak Adalah Satu Anugerah Ilahi

KELAS DIKENDALIKAN OLEH:

- Pakar Perbadanan & Sakit Puan
- Pegawai Fisioterapi & Pakar Kanak-Kanak

PENGISIAN PROGRAM:

- Ceramah Kesehatan Ibu Mengandung
- Lawatan ke Wad dan Dewan Bersalin
- Senaman Antenatal (Praktikal oleh Pegawai Fisioterapi)
- Cenderahati

Masa:
8.30 pagi - 3.00 petang

Hubungi kami untuk maklumat lanjut
Ar-Ridzuan : 05-242 1111
Zuraida : 017-499 1382
Harizan : 012-555 7597

BAUCER PAKEJ BERSALIN bagi setiap kehadiran

PENYERTAAN ADALAH TERBUKA KEPADA **SEMUA**
Tarikh Kelas

- 23 Februari 2014
- 12 April 2014
- 21 Jun 2014
- 20 September 2014
- 22 November 2014

*tarikh adalah tertakluk pada Pindaan

A-1, Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-242 1111 Faks: 05-241 1110
email: info@aridzuan.com

www.aridzuan.com
www.facebook.com/kumpulanperubatan.aridzuan

Ar-Ridzuan PUSAT PERUBATAN

HOSPITAL

Ar-Ridzuan

Ar-Ridzuan

Pusat Perubatan Ar-Ridzuan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPK), yang berada di bawah naungan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

Ditubuhkan sejak 2001, AR-RIDZUAN telah memindahkan operasi ke Greentown Suria, Ipoh pada 1 Mac 2011. AR-RIDZUAN disokong sepasukan pegawai perubatan, doktor-doktor pakar dan kumpulan tenaga kerja yang sangat dedikasi dalam memberikan perkhidmatan perubatan mesra ibadah.

Dengan keluasan lantai 31,000 kaki persegi, AR-RIDZUAN menawarkan 29 katil pesakit dengan kemudahan Perkhidmatan Kecemasan 24 jam, 3 Bilik Bersalin, 2 Bilik Bedah, Perkhidmatan X-Ray & Ultrasound, Perkhidmatan Makmal dan juga Farmasi.

AR-RIDZUAN kini beroperasi selama 24 jam, dengan mengekalkan perkhidmatan perbadanan dan sakit puan serta pediatrik (kanak-kanak) sebagai disiplin utama, selain akan memperkenalkan disiplin-disiplin baru pada masa akan datang.

Kelas Postnatal

Kelas postnatal kelas penjagaan selepas kelahiran

PENGISIAN PROGRAM:

- Teknik Penyusuan Bayi
- Penjagaan Ibu & Anak Selepas Bersalin
- Senaman Selepas Bersalin
- Memahami Anak Adalah Satu Anugerah Ilahi

Masa:
8.30 pagi - 1.00 petang

Hubungi kami untuk maklumat lanjut
Ar-Ridzuan : 05-242 1111
Zuraida : 017-499 1382
Harizan : 012-555 7597

PENYERTAAN ADALAH TERBUKA KEPADA **SEMUA**
Tarikh Kelas

- 16 Mac 2014
- 23 Ogos 2014
- 21 Disember 2014

*tarikh adalah tertakluk pada Pindaan

A-1, Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-242 1111 Faks: 05-241 1110
email: info@aridzuan.com

www.aridzuan.com
www.facebook.com/kumpulanperubatan.aridzuan